

KONFLIK MAKNA DALAM TERJEMAHAN KITAB *AL-QANUN FI AL-TIBB*

Mohd Hilmi b. Abdullah

ABSTRAK

Al-Qanun fi al-Tibb merupakan sebuah kitab perubatan yang dikarang oleh Ibnu Sina sekitar tahun 1000 Masehi. Memandangkan kitab ini telah berusia lebih seribu tahun, sudah pasti banyak istilah perubatan yang digunakan oleh Ibnu Sina tidak lagi sepadan dengan istilah perubatan yang diguna pakai sekarang ini. Namun, dalam kertas kerja ini, penulis hanya akan membincangkan dua istilah sahaja yang digunakan oleh Ibnu Sina dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*, iaitu *air mani perempuan* dan *buku lali*. Kedua-dua istilah ini dipilih kerana maksud yang dikehendaki oleh Ibnu Sina tentang kedua-dua istilah ini dalam *al-Qanun fi al-Tibb* jauh sekali daripada makna yang biasa kita fahami pada hari ini. Dalam hal ini, kegagalan penterjemah dan pembaca dalam memahami kedua-dua istilah tersebut akan meninggalkan implikasi yang besar terhadap ketepatan terjemahan dan salah faham terhadap Ibnu Sina, malah terhadap ulama-ulama yang lain. Oleh itu, penekanan dalam pendidikan tentang perkara ini juga harus diberi perhatian serius agar para pelajar tidak terkeliru ekoran konflik makna yang berlaku dalam istilah-istilah tersebut.

Kata kunci: *Air mani perempuan, buku lali, konflik makna dalam terjemahan.*

CONFLICT OF MEANING IN TRANSLATING BOOK OF *AL-QANUN FI AL-TIBB*

ABSTRACT

Al-Qanun fi al-Tibb is a book of medicine written by Ibnu Sina around 1000 A.D. Since this book is over a thousand years of age, it is most certainly that many medical terms used by Ibnu Sina no longer suit the current medical terms. However, in this paper, the author will only discuss the two terms used by Ibnu Sina in the *al-Qanun fi al-Tibb* book, which are female semen and ankle. Both of these terms are chosen because the meanings intended by Ibnu Sina on these two terms in *al-Qanun fi al-Tibb* are far more different than the meanings we are familiar with today. In this case, the failure of translators and readers to understand both terms would result in significant implications in the

translation accuracy and misunderstanding towards Ibnu Sina, even against other scholars. Therefore, an emphasis in education regarding this subject should also be taken seriously so that students are not confused by the conflict in the meanings of those terms.

Keywords: *Female semen, ankle, conflict in the meanings of translation.*

PENDAHULUAN

Kitab *al-Qanun fi al-Tibb* oleh Ibnu Sina bolehlah dianggap sebuah ensiklopedia yang lengkap tentang perubatan, sekurang-kurangnya dalam konteks ilmu perubatan yang ada pada zaman Ibnu Sina. Istilah-istilah perubatan yang terdapat dalam kitab yang berusia 1000 tahun ini mencakupi pelbagai cabang dalam ilmu perubatan termasuk anatomi, obstetrik & ginekologi, dermatologi, gastreologi, kardiologi, urologi, dan sebagainya. Sebahagian daripada istilah tersebut masih diguna pakai sehingga ke hari ini, manakala sebahagian yang lain pula tidak lagi diguna pakai secara meluas.


Istilah-istilah yang masih diguna pakai sehingga kini itu pula sebahagiannya masih kekal dengan maksud yang sama tanpa mengalami sebarang perubahan, manakala sebahagian yang lain pula telah mengalami perubahan, khususnya dari sudut definisi dan perincian jenis penyakit. Hal ini berlaku kerana teori perubatan pada zaman moden kini pastinya tidak lagi sama dengan teori perubatan pada zaman Ibnu Sina.

Sementara itu, terdapat juga istilah yang digunakan oleh Ibnu Sina untuk merujuk kepada suatu makna, telah berubah kepada suatu makna lain yang langsung tidak berkaitan dengan makna yang dikehendaki oleh Ibnu Sina tersebut. Perubahan istilah seperti ini jika gagal ditangani dengan sebaik mungkin akan menimbulkan konflik makna kerana berlakunya salah faham antara maksud yang biasa difahami dalam konteks hari ini dengan maksud sebenar yang dikehendaki oleh Ibnu Sina. Setakat pengalaman penulis menterjemah kitab *al-Qanun fi al-Tibb*, terdapat dua istilah yang boleh menimbulkan konflik makna yang dimaksudkan, iaitu *air mani perempuan* dan *buku lali*.

1) Air Mani Perempuan

Dalam kitab *al-Qanun fi al-Tibb*, istilah *air mani perempuan* digunakan oleh Ibnu Sina sebagai gandingan kepada istilah *air mani*

lelaki. Hal ini berlaku kerana fokus Ibnu Sina sebagai ulama perubatan ialah menjelaskan tentang proses pembentukan janin di dalam rahim. Dalam hal ini, jika *air mani lelaki* berfungsi dalam pembentukan janin, maka gandingan kepada istilah tersebut pada tubuh perempuan pula ialah *air mani perempuan*. Oleh itu, *air mani perempuan* yang dimaksudkan oleh Ibnu Sina merujuk kepada ovum, manakala *air mani lelaki* pula (dalam konteks pembentukan janin) merujuk kepada sperma. Oleh hal yang demikian jugalah, maka Ibnu Sina menamakan tiub Fallopio pada organ pembiakan wanita sebagai saluran air mani, iaitu gandingan kepada saluran vas deferens pada organ pembiakan lelaki yang dinamakan sebagai saluran air mani. Rajah (1) di bawah menunjukkan kedudukan tiub Fallopio pada organ pembiakan wanita dan vas deferens pada organ pembiakan lelaki.



Sumber: Ensiklopedia Sains dan Teknologi - Perubatan dan Kesihatan. DBP.2000

Rajah 1

Gambar Organ pembiakan wanita dan Organ pembiakan lelaki

Teks tulisan Ibnu Sina dalam *al-Qanun Fi al-Tibb* tentang perkara ini boleh dilihat ketika Ibnu Sina membicarakan tentang anatomi organ pembiakan wanita, iaitu seperti yang berikut (Ibnu Sina, 1999 : 2/754):

وكما للرجل أوعية للمني بين البيضتين وبين المستفرغ من
أصل القضيب كذلك للنساء أوعية المني بين الخصيتين وبين
المقذف إلى داخل الرحم ...

Terjemahan: Sekiranya organ pembiakan lelaki mempunyai saluran air mani (vas deferens), iaitu di kawasan antara testis dengan ruangan di bahagian pangkal zakar, begitu juga bagi organ pembiakan wanita yang mempunyai saluran air mani (tiub Fallopio), iaitu di kawasan antara ovari dengan pintu masuk ke bahagian dalam rahim

Walau bagaimanapun, istilah *air mani perempuan* yang digunakan oleh Ibnu Sina untuk merujuk kepada ovum ini boleh menimbulkan salah faham memandangkan istilah *air mani perempuan* yang difahami sekarang ini merujuk kepada definisi *air mani perempuan* yang diberikan oleh ulama fikah. Antara ulama fikah yang terawal membicarakan tentang air mani perempuan ialah Imam Nawawi dalam kitab beliau *Syarah Sahih Muslim*. Menurut Imam Nawawi (Nawawi, 1987: 3/227):

وإذا كان للمرأة مني فإنزاله وخروجه منها ممكن ... قوله صلى
الله عليه وسلم (إن ماء الرجل غليظ أبيض وماء المرأة رقيق
أصفر) هذا أصل عظيم في بيان صفة المني وهذه صفته في
حال السلامة وفي الغالب قال العلماء مني الرجل في حال
الصحة أبيض تخين يتدفق في خروجه دفقة بعد دفقة ويخرج
بشهوة ويتلذذ بخروجه وإذا خرج استعقب خروجه فتوراً
ورائحة كرائحة طلع النخل

Terjemahan: Jika perempuan mempunyai air mani, maka pengeluaran air mani secara *inzal* daripada perempuan adalah sesuatu yang tidak mustahil. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Air (mani) lelaki bersifat tebal dan berwarna putih, manakala air (mani) perempuan bersifat halus dan berwarna kuning”. Sabda Nabi s.a.w. ini adalah penerangan tentang sifat air mani ketika seseorang itu sihat. Menurut para ulama, air mani lelaki ketika sihat berwarna putih; pekat; keluar secara memancut peringkat demi peringkat, disertai dengan syahwat

dan perasaan seronok, dan diikuti dengan keadaan letih lesu; dan mempunyai bau seperti bau debunga pokok tamar

Air mani perempuan yang dimaksudkan oleh Imam Nawawi di atas merujuk kepada air mani yang dikeluarkan ketika seseorang perempuan itu melakukan hubungan jenis, bukannya merujuk kepada ovum. Ada dua bukti tentang hal ini, iaitu:

- i) Imam Nawawi menggunakan istilah *inzal*. Inzal bermaksud air mani yang keluar ketika seseorang itu melakukan hubungan jenis, atau akibat alat sulitnya dirangsang sehingga membangkitkan syahwat.
- ii) Imam Nawawi mengaitkan sifat air mani dalam hadith Rasulullah s.a.w. di atas dengan perlakuan hubungan jenis, iaitu keadaan letih lesu selepas air mani tersebut keluar akibat hubungan jenis.

Oleh itu, wujud dua makna yang berlainan bagi istilah *air mani perempuan* dalam bahasa Arab, iaitu ovum mengikut Ibnu Sina, dan air mani ketika hubungan jenis mengikut istilah Imam Nawawi. Keadaan ini bertambah rumit untuk diselesaikan apabila Ibnu Sina dalam kitab *al-Qanun Fi al-Tibb* langsung tidak membicarakan tentang air mani perempuan ketika hubungan jenis, manakala ulama-ulama fikah pula tidak pula membicarakan secara terperinci tentang ovum dan peranannya dalam pembentukan janin. Hal yang demikian kerana fokus utama ulama-ulama fikah ialah jenis-jenis cecair yang keluar daripada alat sulit lelaki dan perempuan kerana perkara ini melibatkan persoalan halal dan haram. Keadaan ini menimbulkan persepsi seolah-olah ulama fikah menganggap air mani perempuan ketika hubungan jenis itulah yang berperanan dalam pembentukan janin di dalam rahim.


Bagi merungkaikan permasalahan ini, bahasa Arab moden hari ini telah mencipta satu istilah yang baharu untuk ovum, iaitu بويضة . Malah, perkataan ovari juga diberi istilah baharu bagi membezakan perkataan tersebut dengan perkataan testis dalam bahasa Arab. Jadual 1 yang berikut menunjukkan perbezaan istilah bagi testis, ovari, dan ovum antara istilah yang digunakan oleh Ibnu Sina dengan bahasa Arab moden.

Jadual 1: Istilah testis, ovari, dan ovum menurut Ibnu Sina dan bahasa Arab moden.

Bil.	Perkataan	Ibnu Sina	Bahasa Arab Moden
1.	Testis	خصية / بيضة	خصية / بيضة
2.	Ovari	خصية / بيضة	مبيض
3.	Ovum	مني المرأة	بويضة

Dalam konteks ilmu perubatan moden hari ini, air mani perempuan merujuk kepada cecair alat sulit wanita yang dikeluarkan oleh kelenjar Skene yang terletak di sebelah kanan saluran air kencing. Air mani perempuan mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut:

1. Berwarna kekuning-kuningan dan berbentuk seperti dadih
2. Boleh memancut sehingga mengenai paha suami
3. Boleh memancut lebih daripada sekali ketika hubungan jenis



Sumber: https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Skenes_gland-svenska.jpg

Rajah 2
Kedudukan kelenjar Skene di sebelah kanan uretra

Walaupun bahasa Arab moden telah membezakan antara ovum dengan air mani perempuan dan begitu juga dengan bahasa Melayu, namun pengetahuan masyarakat tentang perkara ini masih lagi kurang. Dalam hal ini, kita dapati masih ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak mengetahui tentang kewujudan air mani perempuan. Di sini penulis *print screen* satu contoh yang menunjukkan penulis blog ini menganggap ovum sebagai air mani perempuan. Hal ini dijelaskan di dalam al-Quran bahawa manusia dicipta dari percantuman benih (air mani) dari lelaki (sperma) dan perempuan (ovun atau sel telur), dan membentuk menjadi janin lelaki atau perempuan tujuh hari setelah

percantumannya (blastosit manusia mulai tertanam sekitar tujuh hari setelah percantuman).

Penulisan seperti ini akan menyebabkan masyarakat menjadi keliru khususnya apabila di satu pihak yang lain mendakwa perempuan boleh mengeluarkan air mani ketika hubungan jenis, malah sehingga lebih daripada sekali. Bagi masyarakat yang belum pernah mengetahui tentang hal ini pasti keliru kerana bagi mereka seseorang perempuan hanya mengeluarkan air mani sekali sebulan sahaja. Malah, tidak mustahil, kerana kejahilan tentang perkara ini, ulama-ulama yang membicarakan tentang air mani perempuan dianggap tidak memahami sains dan perubatan.

Oleh itu, sudah sampai masanya pihak-pihak yang berwajib dalam sistem pendidikan di negara ini memikirkan kaedah yang sesuai untuk memasukkan pengetahuan tentang air mani perempuan ini ke dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Pengetahuan tentang perkara ini amat penting supaya masyarakat tidak lagi terkeliru antara air mani perempuan dengan ovum.

2) Buku Lali


Dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasit*, perkataan الكعب (yang bermaksud buku lali) diertikan sebagai العظم الناتئ عند ملتقى الساق والقدم وفي كل قدم كعبان عن يمينها وعن يسرتها (tulang yang timbul pada pertemuan antara betis dengan tapak kaki. Pada setiap tapak kaki, terdapat dua buku lali, iatu satu di bahagian kanan dan satu lagi di bahagian kiri).

Dalam ilmu anatomi, buku lali yang dimaksudkan di atas merujuk kepada dua jenis tulang, iaitu:

- i) buku lali sebelah dalam (medial malleolus)
- ii) buku lali sebelah luar (lateral malleolus)

Buku lali sebelah dalam merujuk kepada buku lali sebelah kiri bagi kaki kanan dan buku lali sebelah kanan bagi kaki kiri. Buku lali sebelah luar pula merujuk kepada buku lali sebelah kanan bagi kaki kanan dan buku lali sebelah kiri bagi kaki kiri. Buku lali sebelah dalam ialah bahagian tulang tibia (tulang kering) yang bersambung dengan tulang tapak kaki, manakala buku lali sebelah luar pula ialah bahagian tulang fibula yang bercantum dengan tulang tapak kaki. Rajah 3 dan Rajah 4 yang berikut menunjukkan kedudukan buku lali sebelah dalam

dan buku lali sebelah luar. Rajah 3 juga menunjukkan komponen-komponen tulang tapak kaki, termasuk tulang talus.



Sumber: Anatomy. J. C. Boileau Grant. 1972.

Rajah 3
Tulang tapak kaki bagi kaki kanan



Sumber: <http://www.mccallphysicaltherapy.com/pain-locator-snur/>

Rajah 4

Kedudukan tulang tibia, tulang fibula, buku lali sebelah dalam, buku lali sebelah luar, dan tulang talus

Walau bagaimanapun, dalam kitab *al-Qanun Fi al-Tibb*, Ibnu Sina tidak mengguna-kan perkataan الكعب bagi merujuk kepada buku lali seperti yang biasa difahami sekarang ini. Sebaliknya, Ibnu Sina menggunakan perkataan tersebut untuk merujuk kepada tulang talus, iaitu sebahagian daripada tulang tapak kaki. Tulang talus terletak di bawah tulang tibia dan bercantum dengan tulang tersebut, termasuk bercantum dengan kedua-dua buku lali yang dimaksudkan. Menurut Ibnu Sina (1999 : 1/59):

وأما الكعب فإن الأنساني منه أشد تكعيباً من كعوب سائر الحيوان وكأنه أشرف عظام القدم النافعة في الحركة كما أن العقب أشرف عظام الرجل النافعة في الثبات والكعب موضوع بين الطرفين الناتئين من القصبتيين يحتويان عليه من جوانبه أعني من أعلاه وقفاه وجانبيه الوحشي والإنسي ويدخل طرفاه في العقب في نقرتين دخول ركز والكعب واسطة بين الساق والعقب.

Terjemahan: Tulang talus manusia ialah tulang talus yang paling hampir dengan bentuk kiub berbanding dengan tulang talus haiwan. Dalam hal ini, tulang talus seolah-olah merupakan tulang yang paling mulia dalam kalangan tulang-tulang tapak kaki yang berfaedah dalam pergerakan.

Keadaan ini samalah juga dengan tulang tumit yang merupakan tulang kaki yang paling mulia dalam kalangan tulang-tulang kaki yang berfungsi memberikan kestabilan kepada tubuh. Tulang talus terletak di antara dua hujung yang menonjol daripada kedua-dua tongkol tulang betis. Kedua-dua hujung tersebut meliputi tulang talus dari semua sudut, iaitu dari atas, tengah, kiri, dan kanan tulang talus. Kemudian, kedua-dua hujung tulang tersebut memasuki pula bahagian tengah tulang tumit melalui dua alveolus. Oleh itu, tulang talus terletak di tengah-tengah antara betis dan tumit.

Dalam teks Ibnu Sina di atas, kita dapati Ibnu Sina menggunakan istilah الطرفين الناتئين من القصبتين (yang bermaksud *dua hujung yang menonjol daripada kedua-dua tongkol tulang betis*) untuk merujuk kepada *dua buku lali*, manakala istilah القصبتين pula merujuk kepada tulang tibia dan tulang fibula. Oleh itu, jika perkataan الكعب diterjemahkan sebagai *buku lali*, maka makna yang bercelaru akan terhasil.

Dalam teks di atas kita dapati sebab penamaan tulang talus sebagai الكعب oleh Ibnu Sina ialah kerana tulang talus berbentuk seperti kiub. Dalam bahasa Arab, perkataan الكعب juga merujuk kepada *objek yang berbentuk kiub*. Bagi merungkaikan masalah ini, bahasa Arab moden hari ini tidak lagi menggunakan perkataan الكعب untuk merujuk kepada *tulang talus* bagi mengelak salah faham dengan perkataan tersebut yang merujuk kepada *buku lali* seperti yang difahami sekarang ini.

Merujuk kepada kamus-kamus perubatan Inggeris – Arab yang ada di pasaran ketika ini, terdapat dua istilah yang popular yang telah digunakan untuk merujuk kepada *tulang talus*, iaitu عظم الكاحل dan القعب. Jadual 2 di bawah menunjukkan perbezaan istilah untuk buku lali dan tulang talus antara Ibnu Sina dengan bahasa Arab moden.

Jadual (2): Perbezaan istilah buku lali dan tulang talus antara Ibnu Sina dengan bahasa Arab moden.

Bil.	Perkataan	Ibnu Sina	Bahasa Arab Moden
1.	Buku lali	العظم الناتئ	الكعب
2.	Talus	الكعب	الكاحل / القعب

Bagi mengelak kesilapan dalam terjemahan Arab – Melayu, khususnya yang melibatkan teks daripada kitab-kitab turath bahasa Arab, maka kurikulum pengajian terjemahan Arab – Melayu hendaklah turut meliputi pengajian terjemahan teks Arab yang diambil daripada kitab-kitab turath, termasuk kitab *al-Qanun Fi al-Tibb* oleh Ibnu Sina. Para pelajar, khususnya yang diperingkat sarjana muda bahasa Arab mestilah didedahkan dengan selok-belok terjemahan kitab turath, termasuk berkaitan istilah-istilah tertentu yang perlu difahami dengan sebaik mungkin oleh penterjemah Arab – Melayu.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai sebuah kitab yang telah berusia 1000 tahun, kitab perubatan Ibnu Sina, *al-Qanun Fi al-Tibb* menjadi salah satu kitab turath bahasa Arab yang sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Antara sebab kesukaran tersebut ialah kerana wujudnya perbezaan istilah yang digunakan oleh Ibnu Sina berbanding dengan istilah yang sama yang digunakan sekarang ini dalam bahasa Arab. Antara istilah yang telah dikenal pasti ialah *air mani perempuan* dan *al-ka'b* (buku lali).

Hal ini demikian kerana Ibnu Sina menggunakan istilah *air mani perempuan* untuk merujuk kepada ovum, sedangkan istilah tersebut yang difahami sekarang ini merujuk kepada air mani perempuan yang dikeluarkan ketika hubungan jenis. Bagi istilah *al-ka'b* pula, Ibnu Sina menggunakan perkataan tersebut untuk merujuk kepada tulang talus, iaitu salah satu tulang tapak kaki, sedangkan istilah *al-ka'b* yang difahami sekarang ini bermaksud buku lali.

Perbezaan maksud bagi satu istilah yang sama seperti ini perlu ditangani dengan sebaik mungkin oleh penterjemah Arab – Melayu. Kegagalan menterjemah dengan baik akan mengakibatkan salah faham terhadap Ibnu Sina dan juga pihak-pihak lain yang terlibat. Oleh itu, satu sistem pendidikan yang menyeluruh perlu dirangka bagi mendedahkan kepada para pelajar akan kepentingan mengkaji kitab-kitab turath bahasa Arab, termasuk dari sudut penggunaan istilah-istilah yang tertentu agar pemahaman para pelajar terhadap kitab-kitab tersebut menjadi bertambah baik dan seterusnya mampu melakukan penterjemahan kepada bahasa Melayu dengan sebaik yang mungkin.

RUJUKAN

al-Qalam al-karim.

Aiman al-Husayni. (2004). *Ibn Sina's Medical Dictionary English – Arabic*. Kaherah: Maktabah Ibnu Sina.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). (2000). *Ensiklopedia Sains dan Teknologi - Perubatan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibnu Sina, Abu 'Ali al-Husayn bin 'Ali. (1999). *Al-Qanun Fi al-Tibb*, diedit oleh Muhammad Amin al-Dannawiy. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

J. C. Boileau Grant. (1972). *Anatomy*. Baltimore: The Williams & Wilkins Co.

Mohd. Hilmi b. Abdullah. (2013). *Petua-Petua Ibnu Sina Untuk Kaum Wanita*. Kota Bharu: Pustaka Hilmi.

Mohd. Hilmi b. Abdullah. (2016). *Mengenali Perubatan Ibnu Sina (Jilid 1)*. Kuala Kubu Bharu: Pustaka Hilmi.

Nawawi, Muhyiddin Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf. (1987). *Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Dar

Yusuf Hitti dan Ahmad Syafiq al-Khatib. (1998). *Hitti's New Medical Dictionary, English – Arabic*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Dr. Mohd Hilmi Abdullah
Pensyarah Kanan
Jabatan Bahasa Arab
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
E-mail: mohdhilmi@fbk.upsi.edu.my